

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah dana peruntukan PLB untuk Sg. Siput U bagi tahun 2019 dan senarai projek-projek yang dilaksanakan di bawah skim ini di kawasan Sg. Siput U.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberikan tumpuan terhadap penyediaan infrastruktur asas untuk masyarakat luar bandar di Negeri Perak termasuklah di kawasan Parlimen Sg Siput.
2. Pada tahun 2019, sebanyak RM1.141 juta telah disalurkan oleh Kementerian ini bagi penyediaan infrastruktur luar bandar di kawasan Parlimen Sg Siput merangkumi RM783,000 Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) melibatkan sebanyak 14 buah kampung dan memberi manfaat sebanyak 2,225 orang penduduk. Manakala sebanyak RM50,000 diperuntukkan bagi Program Ameniti Sosial (PAMS) di Kg Perlop 3 dan RM308,000 bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) melibatkan 2 unit bina baharu dan 20 buah baik pulih yang memberi manfaat kepada 110 orang penduduk.